

Japanese Language Club Report

PROGRAM JLC (Japanese Language Club) UiTM Cawangan Pulau Pinang Semester Mac – Julai 2021

Laporan disediakan oleh Melati Desa

*Kalau umang, umanglah juga
Sirip tak sama belanak tenggiri
Kalau orang, oranglah juga
Dididik serupa anak sendiri*

Sedar tak sedar kita sedang melangkah ke angka 2 tahun dalam menyampaikan ilmu secara maya. Kalau dahulu, aktiviti pembelian secara online menjadi amalan warga net, tetapi sekarang bukan sahaja berjual beli, malah mesyuarat, pengajaran dan pembelajaran, persidangan, pertandingan, bahkan bersukan juga turut dijalankan secara maya. Sebagai salah seorang warga pendidik, segala cabaran dan tanggungjawab yang diamanahkan hendaklah dijalankan dengan jujur. Walaupun di awalnya bergelut dengan persediaan bahan pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan repot, memantau aktiviti pelajar secara atas talian, sekarang ianya menjadi rutin yang dapat dilaksanakan dengan kadar yang mudah dan segera. Dalam pada kerajaan bertungkus-lumus merealisasikan program pemulihan negara dalam melawan pandemik COVID-19, para pendidik turut memainkan peranan demi menjamin sistem pendidikan tetap terurus dan ilmu berterusan disampaikan kepada pelajar. Sebagai salah satu daripada langkah pencegahan penularan pandemik COVID-19, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah mengarahkan kaedah pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian. Bermula pada 18 Mac 2020, universiti dan kolej diarah untuk dikosongkan. Sehingga tarikh artikel ini ditulis (Ogos 2021), arahan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian adalah kekal.

Walau bagaimanapun, pembudayaan ilmu, pembinaan minda dan jiwa muda para pelajar hendaklah terus dibina. Ilmu yang mereka raih merupakan harta paling berharga apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan nanti. Selain daripada penerapan ilmu, aktiviti santai yang diselitkan dengan unsur pendidikan tetap diteruskan dari jarak jauh. Sebarang aktiviti secara berkumpulan adalah dilarang. Atas inisiatif inilah, penasihat dan ahli MT Kelab telah menganjurkan **PROGRAM KAIWA TAIKAI** yang diterjemahkan menjadi “bercerita secara berkumpulan”. Program tersebut dijalankan seperti berikut:


Nama program : KAIWA TAIKAI

Tarikh : 5 Mei 2021

Ganjaran : Tempat pertama RM100, kedua RM75 dan ketiga RM50.

Medium : <https://meet.google.com/ehd-wgri-gvn>

Diucapkan jutaan tahniah kepada pada ahli kelab dan MT yang berusaha keras menyahut saranan pihak UiTM CPP supaya beraktiviti secara maya demi mengekalkan ukhwah, menyampaikan maklumat, berkreatif dan aktif sebagai ahli kelab.



Aktiviti Projek KAIWA TAIKAI melalui Google Meet